

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN KETIGA 2024

**Indeks Volum Perkhidmatan catat pertumbuhan 5.6 peratus pada
suku ketiga 2024, kekal trend positif**

PUTRAJAYA, 7 NOVEMBER 2024 – Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku tahun ketiga 2024 dengan merekodkan 155.9 mata. Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks ini meningkat 2.5 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Ketiga 2024. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi Indeks Volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh pertumbuhan segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (4.6%), diikuti oleh segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan (6.2%), segmen Maklumat

& komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (6.3%) dan segmen Perkhidmatan lain (8.6%)”.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia menerangkan, “Indeks volum bagi segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan meningkat 4.6 peratus dengan mencatatkan 155.4 mata, disumbangkan oleh pertumbuhan Perdagangan borong & runcit (4.3%), Makanan & minuman (4.3%) dan Penginapan (12.4%). Sementara itu, segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan indeks volum 151.0 mata dengan pertumbuhan 6.2 peratus. Peningkatan ini didorong oleh Profesional dan Pentadbiran & khidmat sokongan (8.5%), Kewangan & insurans (3.5%) dan Hartanah (13.6%). Dalam masa yang sama, segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan meningkat 6.3 peratus untuk mencatatkan 170.4 mata. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan Pengangkutan & penyimpanan (10.6%) dan Maklumat & komunikasi (3.5%). Segmen Perkhidmatan lain tumbuh 8.6 peratus untuk merekodkan 129.7 mata, berikutan peningkatan dalam Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti (9.4%), Pendidikan swasta (7.6%) dan Kesihatan swasta (8.8%)”.


Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun ketiga 2024 naik 2.5 peratus. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan (4.3%), diikuti oleh segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (1.9%), segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.5%) dan segmen Perkhidmatan lain (2.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks volum pelarasan musim meningkat 1.6 peratus berbanding suku tahun kedua 2024. Prestasi ini didorong oleh kenaikan dalam segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan (3.3%), diikuti oleh segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.6%), segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (0.5%) dan segmen Perkhidmatan lain (3.6%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun



Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

7 NOVEMBER 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA THIRD QUARTER 2024

***Volume Index of Services posts 5.6 per cent growth in third quarter 2024,
continuing positive trend***

PUTRAJAYA, NOVEMBER 7, 2024 – Volume index of Services posted 5.6 per cent growth in third quarter 2024, recording 155.9 points. For quarter-on-quarter comparison, this index recorded a 2.5 per cent increase. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Volume Index of Services (2015=100), Third Quarter 2024**. This publication consists of four segments namely Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment; Business services and Finance segment; Information & communication and Transportation & storage segment; and Other services segment.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The performance of Volume Index of Services for this quarter was attributed to the growth in Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment (4.6%), followed by Business services and Finance segment (6.2%), Information & communication and Transportation & storage segment (6.3%) and Other services segment (8.6%),".

In a statement today, the Chief Statistician Malaysia explained that, “The volume index for Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment experienced a 4.6 per cent increase to reach 155.4 points, contributed by the growth in Wholesale & retail trade (4.3%), Food & beverage (4.3%) and Accommodation (12.4%). Meanwhile, Business services and Finance segment registered a volume index of 151.0 points with a growth of 6.2 per cent. This increase was supported by the growth in Professional and Administrative & support services (8.5%), Finance & insurance (3.5%) and Real Estate (13.6%). In the same period, Information & communication and Transportation & storage segment rose 6.3 per cent to stand at 170.4 points. This growth was attributed to increases in Transportation & storage (10.6%) and Information & communication (3.5%). Other services segment grew 8.6 per cent to record 129.7 points, driven by increases in Arts, entertainment & recreation and Personal services & other activities (9.4%), Private education (7.6%), and Private health (8.8%).”

For quarter-on-quarter comparison, volume index of Services went up 2.5 per cent in the third quarter 2024. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that this growth was supported by the increase in Business services and Finance segment (4.3%), followed by Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment (1.9%), Information & communication and Transportation & storage segment (1.5%), and Other services segment (2.7%).

The Chief Statistician Malaysia also informed that seasonally adjusted volume index increased 1.6 per cent compared to the second quarter 2024. This was resulted by the increase in Business services and Finance segment (3.3%), followed by Information & communication and Transportation & storage segment (1.6%), Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment (0.5%), and Other services segment (3.6%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my/>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change





Chart 2: Volume Index of Services and Quarter-on-Quarter Percentage Change



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7 NOVEMBER 2024**